

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)
TARIKH : 6 MAC 2018 (SELASA)
SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang disediakan untuk Tabung Bencana Alam tahun 2015 hingga 2017; :-

- (a) adakah anggaran ini mencukupi untuk mengatasi bencana alam yang sering berlaku di beberapa negeri di utara dan di pantai timur dan nyatakan kos yang diperlukan oleh setiap negeri ; dan
- (b) apakah projek-projek yang dilaksanakan demi mencegah bencana alam ini. Jelaskan dengan lengkap jenis projek dan kosnya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957 untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana. Tabung KWABBN juga diguna untuk membiayai aktiviti, program, projek, kos operasi/ perolehan sama ada barangan/ perkhidmatan yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian bencana. Sebagai makluman, sejak 2013 Tabung KWABBN yang diuruskan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah membelanjakan sebanyak RM422 juta untuk pengurusan bencana termasuk perpindahan penduduk, penyediaan makanan dan kebajikan kepada mangsa banjir termasuk pemberian wang ihsan. Setakat ini perbelanjaan bagi bantuan wang ihsan kepada mangsa bencana bagi seluruh negara adalah sekitar RM11 juta hingga RM20 juta setahun. Untuk rekod, jumlah wang ihsan yang diagihkan pada tahun 2015

adalah RM141.19 juta, 2016 sebanyak RM11.83 juta dan 2017 sebanyak RM14.33 juta.

Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk menampung keperluan mangsa-mangsa bencana. Selain bencana banjir, Tabung KWABBN turut menyalurkan dana untuk lain-lain bencana seperti;

| <u>Tahun</u> | <u>Jenis Bantuan</u> | <u>Jumlah</u> |
|--------------|----------------------|-------------------|
| 2015 | Banjir | RM 140,887.00 |
| | Ribut | RM 11,000.00 |
| | Gempa Bumi | RM 291,000.00 |
| | Jumlah | RM 141,189,000.00 |

| <u>Tahun</u> | <u>Jenis Bantuan</u> | <u>Jumlah</u> |
|--------------|----------------------|------------------|
| 2016 | Banjir | RM 9,103,500.00 |
| | Kebakaran | RM 2,725,000.00 |
| | Jumlah | RM 11,828,500.00 |

| <u>Tahun</u> | <u>Jenis Bantuan</u> | <u>Jumlah</u> |
|--------------|-------------------------|-----------------------|
| 2017 | Banjir | RM 14,330,500.00 |
| | Ribut | RM 1,500.00 |
| | Jumlah | RM 14,332,000.00 |
| | Jumlah 2015-2017 | RM 167,349,500 |

Tuan Yang Di-Pertua,

Peruntukan Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara juga turut digunakan bagi tujuan pelaksanaan projek-projek fizikal bagi tujuan pencegahan bencana alam terutamanya tanah runtuh dan banjir. Kebanyakan projek-projek mitigasi yang melibatkan pemulihan cerun dan sungai seperti berikut:

a) Projek Pemulihan Cerun dan Sungai di Cameron Highland

Projek pemulihan cerun dan sungai dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan ko sebanyak RM7.665 juta melibatkan pembaikan cerun kawasan di parkir hadapan Petronas Ringlet, Kuala Terla dan Taman Mawar manakala projek pemulihan Sungai melibatkan Sungai Telom dan Sungai Tringkap. Selain itu, projek mitigasi cerun turut dilaksanakan di Perkampungan Orang Asli Sungai Tiang dengan kos sebanyak RM2.06 juta. Kesemua-projek ini sedang berjalan dan dijangka selesai sepenuhnya pada 2019.

b) Projek Pemulihan Cerun di Sabah dan Sarawak

Terdapat projek-projek pemulihan cerun yang sedang dan akan dijalankan di Sabah dan Sarawak melibatkan kos sebanyak RM 3 juta. Projek yang terlibat adalah di Pusat Tahanan Sementara Kota Kinabalu dan beberapa projek benteng di Rumah Panjang sekitar Sarikei dan Sibu.

Untuk makluman, selain daripada peruntukan KWABBN, Kerajaan Persekutuan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ada memperuntukkan sejumlah RM8.9 bilion bagi tujuan pencegahan banjir di seluruh negara. Antara projek utama yang dilaksanakan ialah Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kelantan, Sungai Kuantan, Sungai Kemaman, Sungai Perak, Sungai Muar, Sungai Sarawak, Sungai Moyog dan Sungai Padas. Menurut maklumat yang diterima daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kerajaan menganggarkan penyelesaian menyeluruh bagi kerja-kerja tebatan banjir di seluruh negara berjumlah RM40 bilion hingga tahun 2020. Sekiranya kerja-kerja ini tidak dapat dilaksanakan pada masa sekarang, kerajaan menganggar jumlah tersebut

akan meningkat kepada RM60 bilion dengan mengambil kira peningkatan kawasan pembangunan baru, peningkatan kos pengambilan balik tanah dan kos pembinaan serta peningklatan bilangan dan keluasan kawasan banjir di seluruh negara.

Terdapat 12 Kementerian yang melaksanakan sebanyak 196 projek dimana 188 projek fizikal disasarkan untuk memperbaiki infrastruktur yang terjejas dan menyelesaikan masalah banjir manakala lapan (8) projek bukan fizikal dilaksana untuk menyokong usaha menyelesaikan masalah banjir.

Kos projek-projek fizikal yang diperlukan mengikut setiap negeri pula adalah seperti berikut:

| Bil | Negeri & jumlah projek | Jumlah kos (RM) yang diperukan |
|-----|------------------------|--------------------------------|
| 1 | Johor (11) | RM657 juta |
| 2 | Kedah (9) | RM1.984 bilion |
| 3 | Kelantan (32) | RM317 juta |
| 4 | Melaka (7) | RM373 juta |
| 5 | Negeri Sembilan (11) | RM225 juta |
| 6 | Pahang (34) | RM756 juta |
| 7 | Pelbagai Negeri (7)* | RM1.380 bilion |

| | | |
|----|-------------------------|----------------|
| 8 | Perak (17) | RM213 juta |
| 9 | Perlis (2) | RM349 juta |
| 10 | Pulau Pinang (2) | RM191 juta |
| 11 | Sabah (4) | RM156 juta |
| 12 | Sarawak (12) | RM446 juta |
| 13 | Selangor (3) | RM155 juta |
| 14 | Terengganu (28) | RM226 juta |
| 15 | Wilayah Persekutuan (3) | RM636 juta |
| | JUMLAH (182) | RM8.073 bilion |

Seterusnya, data mengikut jenis projek-projek fizikal pembinaan dan kos yang diperlukan adalah seperti berikut:

| Bil | Jenis & jumlah projek | Jumlah kos (RM) yang diperlukan |
|-----|--|---------------------------------|
| 1 | Pembaikan cerun (27) | RM203 juta |
| 2 | Pembaikan jalan (63) | RM227 juta |
| 3 | Pembaikan jambatan (4) | RM371 juta |
| 4 | Naitaraf jambatan (2) | RM44 juta |
| 5 | Pengairan & saliran (16) | RM1.439 bilion |
| 6 | Pembaikan bangunan (7) | RM149 juta |
| 7 | Pembaikan sekolah & institusi pengajian tinggi (9) | RM255 juta |
| 8 | Projek Tebatan Banjir (54) | RM5.381 bilion |
| | JUMLAH (182) | RM8,073,345,902.04 |

* Sumber: Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU, JPM)

Sekian. Terima kasih.